

Dr. M tidak marah

UM- 18/9/2009

PUTRAJAYA 17 Sept. – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak sedih atau marah dengan cadangan seorang anggota MIC agar gambar beliau dikalung selipar.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau tidak merasakan apa-apa dengan kecaman tersebut kerana "bukan saya jadi apa-apa".

Ini kerana kecaman itu datang daripada anggota parti lain dan ianya tidak merugikannya, katanya kepada Bernama di sini.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata, beliau amat sedih dan marah sekiranya kecaman datang daripada anggota UMNO sendiri seperti yang pernah berlaku.

"Ini bukan kali pertama saya dikecam. Dulu orang dah lupa macam mana pemimpin UMNO kecam saya. Nazri (Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Nazri Aziz) dan Menteri Besar Kedah dahulu nak buang saya daripada UMNO.

"Tapi masa itu tak ada siapa bagi reaksi apa pun. Tak ada orang berani cakap apa," katanya.

Mengulas lanjut isu itu, Dr Mahathir berkata : "Tiba-tiba saya jadi popular.

Orang semua pertahankan saya. Seperti yang saya katakan, dulu saya kena kecam, kena kata...suruh buang daripada UMNO. Tapi orang tak *react* (beri reaksi). Pasal apa dulu tak *react*, kali ini *react*."

"Dulu bila saya kena kecam, tak ada sesiapa pertahankan saya. Taklah secara terbuka. Orang senyap-senyap beranilah tapi orang kenamaan dan orang terkenal tak beranilah pertahan saya," katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau sedih apabila orang partinya sendiri dan orang yang duduk dalam kabinetnya sendiri mengecamnya.

Katanya beliau lebih marah terhadap kecaman yang dilontarkan oleh anggota UMNO dan bekas anggota Kabinetnya daripada kecaman yang dibuat oleh anggota MIC.

"Saya duduk dalam UMNO dari mula parti itu ditubuhkan. Yang tegur saya ini belum beranak pun lagi, katanya.

Mengenai hasrat Sukumaran ingin mememuinya untuk memohon maaf, Dr. Mahathir berkata: "Minta maaf tak apa, tak minta maaf pun tak apa. Bagi saya tak ada apa-apa. Saya yang sedih bila orang parti saya sendiri, orang yang duduk dalam Kabinet saya sendiri kecam saya."

Dr. Mahathir berkata, Sukumaran kini menjadi mangsa percakapannya sendiri.

Selasa lepas, Presiden MIC Datuk Seri Samy Vellu mengumumkan penggantian serta-merta keanggotaan Sukumaran ekoran kecamannya itu. - BERNAMA

NEWSPAPER CLIPPING PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 18/9/2009